

## **SIARAN AKHBAR**

### **SESI DIALOG KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DENGAN KUMPULAN BERKEPERLUAN KHAS**

---

KKBS - Satu Sesi Dialog diantara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama kumpulan dari agensi kerajaan dan bukan kerajaan (persatuan) telah diadakan pada hari Sabtu, 1 Zulkaedah 1431 / 9hb. Oktober 2010, bermula pada jam: 9.00 pagi, bertempat di Bilik Mesyuarat At-Taqwa, Tingkat 3, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Kebangsaan Lama, Berakas.

Berkenan berangkat di Sesi Dialog tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair Bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mempengerusikan Sesi Dialog tersebut, yangmana ianya antara lain ialah bertujuan untuk memberikan peluang kepada agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan ini berbincang dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam isu-isu yang berbangkit mengenai hal ehwal orang berkeperluan khas. Agensi-agensi ini juga diberi peluang untuk menyuarakan isu-isu mereka dalam sama-sama membantu dalam pembangunan orang berkeperluan khas. Apa yang diharapkan hasil dari Sesi Dialog ini nanti ialah ianya akan dapat membantu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam membuat perancangan seterusnya dalam memeduli keperluan orang berkeperluan khas di negara ini.

Kumpulan agensi-agensi kerajaan dan persatuan-persatuan yang hadir bagi Sesi Dialog bersama KKBS pada pagi ini terdiri daripada :

1. Jabatan Pembangunan Masyarakat, KKBS;
2. Pusat Perkembangan Kanak-Kanak, Kementerian Kesihatan (CDC);
3. Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan (UPK);
4. Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajah Mariam;
5. Brunei Darussalam National Association Of The Blind (BDNAB);
6. The Association Of Handicapped Children Of Brunei Darussalam (KACA);
7. The Association Of Paraplegic And Physically Handicapped People Of Brunei Darussalam (PAPDA);
8. Society For The Management Of Autism Related Issues – In Training, Education And Resources (SMARTER);
9. Special Olympics Brunei Darussalam (SOBD);
10. Persatuan Orang Kurang Pendengaran;
11. Learning Ladders Society;
12. Majlis Kesejahteraan Masyarakat

Turut hadir dalam Sesi Dialog ini ialah Yang Mulia Datin Hajah Adina binti Othman, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan serta beberapa orang pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sekian.